

04 AUG 1999

MAPEN-PELANCARAN

MAPEN DIANGGOTAI WAKIL SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II) yang dilancarkan hari ini terdiri daripada 155 anggota yang mewakili rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat.

Mapen II adalah forum rasmi yang akan memberi peluang kepada rakyat daripada pelbagai latar belakang dan kepentingan untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai pencapaian Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan seterusnya memperakukan dasar baru selepas tahun 2000.

Petani dan nelayan, doktor dan peguam, pemimpin korporat dan peniaga kecil, pesara dan pemimpin pelajar -- semuanya diwakili dalam majlis tersebut, yang tugasnya ialah membantu membentuk masa depan ekonomi negara.

Turut menganggotai majlis itu ialah wakil-wakil dari parti politik, kumpulan minoriti seperti persatuan-persatuan Sikh dan Thai, dewan perniagaan dan industri kesatuan pekerja, kumpulan alam sekitar dan pertubuhan wanita.

Badan-badan profesional, koperasi, pertubuhan belia, ulamak dan wartawan turut juga mempunyai perwakilan di dalam majlis itu.

Seramai 37 individu telah dicalonkan untuk menganggotai majlis yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

-- BERNAMA

SJ MA